



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 46

RABU 16 NOVEMBER, 1983

رابو 10 صفر 1404

PERCUMA



Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin menyampaikan hadiah kepada johan qariah musabaqah tersebut.

KEMAJUAN SAINS BERI BERBAGAI KEMUDAHAN BELAJAR

Oleh: Ahat Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN.

Dengan kemajuan sains dan teknologi sekarang berbagai kemudahan boleh didapati untuk mempelajari pelajaran-pelajaran terutama di bidang keagamaan selain belajar daripada guru.

Demikian yang telah dinyatakan oleh Yang Amat

Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaludin Al-Haj Speaker Majlis Mesyuarat Negara, ketika bersabda merasmikan Musabaqah Tilawatil Quran peringkat jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Brunei dan Muara kali pertama di Dewan Pusat Belia pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia bersabda bahawa kemudahan-kemudahan seperti alat-alat perakam adalah di antara cara yang boleh digunakan dalam mempelajari pembacaan ayat suci Al-Quran mahupun bacaan sembahyang.

Sebelumnya sabda Yang Amat Mulia, pembacaan Al-Quran hanya diajarkan oleh guru-guru kampung saja, dan cara pengajarannya pula dilakukan dari sebuah rumah ke sebuah rumah, serta untuk mendapatkan guru-guru yang mahir dan berpengalaman pada waktu itu adalah amat sukar.

Tetapi sebaik-baik sahaja jabatan agama ditubuhkan dan menerima guru-guru dari Johor, maka pelajaran agama mulai berkembang dengan pesat dan pertandingan demi pertandingan mula dianjurkan.

Yang Amat Mulia bersabda, perkembangan pembacaan Al-Quran sudah lebih jauh maju disebabkan dengan ketekunan dan kerajinan dalam mempelajarinya selama ini.

Menyentuh dengan tema pertandingan tersebut yang berbunyi "Perpaduan Asas Keamanan dan Kesejahteraan" Yang Amat Mulia menyatakan tentang perlunya perpaduan dalam

melaksanakan apa jua rancangan yang bermanfaat lagi berfaedah sebagai garis pandu umat Islam.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Musabaqah Tilawatil Quran Jabatan-jabatan Kerajaan Yang Amat Mulia Awang Emran bin Haji Abd. Aji telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Musabaqah Jabatan Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Musabaqah Tilawatil Quran Peringkat Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Brunei dan Muara kali pertama telah dilangsungkan di Dewan Pusat Belia pada hari Ahad lepas.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaludin Al-Haj Ibni Al-Marhum Duli Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Mohd. Yassin, Speaker Majlis Mesyuarat Negara.

Sebanyak 51 orang peserta dari 31 buah jabatan-jabatan kerajaan telah menyertainya dan satu pemilihan awal telah diadakan pada 6 November yang lalu bertempat di Bangunan Ibu Pejabat Kerja Raya di lapangan terbang lama Berakas.

Dari jumlah tersebut sebanyak enam peserta qari dan enam peserta qariah telah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir di Pusat Belia, dan Jabatan Kerja Raya dipilih mengelolakan (Lihat muka 16)

JKR anjur dialog

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya Brunei akan menganjurkan satu dialog mengenai 'keadaan industri pembangunan di Brunei' pada 26 November ini bertempat di Bilik Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Dialog tersebut adalah terbuka kepada pemborong-pemborong, pembekal barang-barang bangunan, bankers, pihak-pihak insurans, jurutera perunding, arkitek perunding dan ukur bahan.

Dialog itu bertujuan untuk memelidik dengan objektif segala aspek industri pembangunan dan mengenali masalah yang bersangkutan dan mencari penyelesaian atau alternatif.

Di samping itu adalah diharapkan dialog tersebut akan melahirkan rasa kepercayaan, kerjasama dan keuntungan bersama.

Bagi mereka yang ingin menyertainya bolehlah mendapatkan borang dengan menghubungi Pengiran Rakawi bin Pg. Haji Sabli di Bahagian Latihan, JKR, Tel: 3311 sambungan 512.

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 25 November ini.

Pastikan negara tetap teguh

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menegaskan bahawa tanggungjawab Kerajaan dan rakyat selepas merdeka ialah memastikan negara tetap terus teguh, aman dan sejahtera.

Menurutnya, kedudukan Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa memerlukan keteguhan dan kemantapan dalam negeri, untuk itu rakyat dan Kerajaan perlu terus mengekalkan kerjasama dan persefahaman yang sedia ada.

Berucap kepada lebih 100 orang penduduk Kampung Belimbing dan Subok dalam Perjumpaan Penerangan yang diadakan di Dewan Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas pagi Jumaat lalu, Awang Haji Badaruddin menambah apa pun cara yang akan kita ikuti bagi menjamin

keteguhan negara, kekukuhan Kerajaan serta sokongan rakyat yang penting ialah perpaduan.

"Tanpa perpaduan masyarakat kita akan menjadi lemah dan bangsa kita akan goyah yang mana bila sedemikian itu terjadi sukarlah bagi kita akan mempunyai Kerajaan yang kuat dan yang kukuh untuk memberikan perkhidmatannya yang berkesan kepada rakyat serta mentadbirkan negara sepenuhnya," tegas Pengarah Penerangan lagi.

Ceramah pada pagi itu kemudiannya diteruskan dengan sesi soal jawab dengan

Pengarah Penerangan dengan dipengerusikan oleh Cikgu Hassan bin Haji Dollah.

Mesyuarat Agung BAFA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Sepak Amatir Negara Brunei -BAFA akan mengadakan mesyuarat agung pada hari Jumaat 18 November.

Mesyuarat bagi memilih ahli jawatankuasa bagi tahun 1983/85 itu akan diadakan di Dewan Kuliah Stadium Hassanal Bolkiah mulai jam 2.00 petang.

Persatuan-persatuan bola sepak yang bergabung dengan BAFA adalah dikehendaki menghantar seorang wakil ke mesyuarat tersebut.

Skim Anugerah Pemborong Terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kerja Raya akan mengadakan skim penganugerahan Pemborong Terbaik bagi tahun 1983.

Pemborong-pemborong yang ingin untuk dicalonkan hendaklah mengisikan borang-borang yang boleh didapati dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Calon-calon hendaklah terdiri dari pemborong warganegara Brunei di dalam satu daripada kategori A, AX, BC dan SC.

Borang-borang yang telah diisikan hendaklah dikembalikan sebelum 23 November, 1983.

MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Ampunlah aku dan terimalah taubatku. Sesungguhnya Engkau penerima taubat lagi pengasihani." — HADIS Nabi riwayat Al-Imam Ahmad.



16 NOVEMBER, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

PERPADUAN:

JADIKAN IA TUNJANGAN KEPADA KEDUDUKAN KITA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

KEADAAN mantap di negara ini sebahagian pentingnya ialah kerana masyarakat kita sentiasa memelihara perpaduan.

Dalam keadaan sedemikian itulah isu-isu penting negara kita dapat diuraikan dan

dirumuskan. Peralihan taraf kepada sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat pun juga berlangsung dengan licin dan selamat. Maka sesungguhnya kita melangkah memasuki era baru, era merdeka lengkap berbekalkan kemandirian dalam semua aspek kehidupan bernegara dan berkerajaan.

Hal ini tentulah berkat ketabahan kita semua dalam menempuh dan mengatasi berbagai pengalaman sebagai bangsa yang mencintai kedaulatannya di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda. Sesungguhnya sumbangan kita sebagai rakyat terhadap kemandirian tersebut sangat besar. Kita memberi kerjasama dan bahkan sentiasa menyertai usaha-usaha Kerajaan pada mengekalkan keamanan dan keselamatan yang di dalam suasana itu kita dan negara kita sama-sama dibangun dan dimajukan. Adalah salah menyangkakan yang rakyat bersikap pasif terhadap hal-ehwalnya dan negaranya. Rakyat yang pasif sukar untuk menerima kemajuan-kemajuan dan sukar pula untuk dimajukan. Yang ternyata kita iaitu segenap lapisan rakyat bukan sahaja terus-menerus dimajukan bahkan menerima serta menggerakkan kemajuan yang dirancang oleh Kerajaan menurut cara yang sesuai dengan sifat kita di negara yang kecil.

Maka setelah kita merdeka nanti kita tentunya berharap akan mencapai kemajuan yang berterusan dalam keadaan yang serba mantap. Harapan kita itu tidak ditujukan kepada orang lain malah kepada kita sendiri sebab kita semualah yang akan bertanggungjawab pada mempastikan negara kita yang merdeka itu akan tetap terus teguh, aman dan sejahtera.

Lebih penting lagi diingat bahawa kita merdeka bererti kita muncul menganggotai masyarakat antarabangsa. Setentunya kedudukan kita dan negara kita di peringkat antarabangsa itu akan dilihat dari keteguhan dan kemandirian yang berteras, insya-Allah kita akan menempati kedudukan yang sewajarnya dengan mendapat penghormatan sebagai negara dan bangsa yang merdeka sekalipun saiz dan bilangan kita kecil.

Dalam hubungan inilah untuk kesekalian kalinya menerusi ruangan ini dan juga menerusi gerakan-gerakan Penerangan yang dibuat terutama pada akhir-akhir ini, ditegaskan bahawa kita mestilah memastikan Brunei yang merdeka akan tetap terus teguh, mantap dengan mempunyai Kerajaan yang kukuh yang bukan sahaja berkesan dalam memberikan khidmatnya kepada rakyat bahkan berkesan dalam mentadbirkan negara sepenuhnya serta

memberikan kepimpinan yang beribadat kepada rakyat. Dan untuk kesekalian kalinya juga ditegaskan lagi bahawa negara dan kerajaan yang sedemikian itu tentunya berkeseluruhan sokongan serta kepercayaan rakyat secara menyeluruh.

Maka dalam hubungan ini apa pun cara yang akan kita lalui pada mempastikan keteguhan negara, kekukuhan Kerajaan serta sokongan rakyat yang paling penting sekali kita mesti mengekalkan perpaduan yang ada dan meningkatkannya dengan dorongan-dorongan serta semangat cintakan negara dan menyayangi segenap isi di dalamnya. Tanpa perpaduan dan tanpa semangat serta dorongan sedemikian kita akan lemah, bangsa kita akan goyah. Akibatnya bukan sahaja kita akan berpecahbelah bahkan kita akan sukar untuk mempunyai Kerajaan yang kuat dan yang kukuh yang dihasratkan bukan sahaja akan memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada kita dan mentadbirkan negara sepenuhnya bahkan Kerajaan yang memberi kepimpinan. Jika terjadi sedemikian, barang dihaikan oleh Allah s.w.t. akan hampalah harapan kita untuk mempunyai negara yang memberi perlindungan yang selamat kepada kita dan keturunan kita.

Itulah sebahagian cabaran selepas merdeka.

Lawatan kerjaya ke AMDB

PERKHEMAHAN BOL-KIAH.— Satu rombongan 15 orang penuntut dan guru dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong baru-baru ini telah mengadakan lawatan kerjaya ke Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di sini.

Mereka telah diberikan taklimat dan berkesempatan menyaksikan tayangan wayang gambar yang bertajuk 'Perajurit Negara'.


Mereka telah juga di bawa melawat ke Muzium Pasukan dan menyaksikan berbagai-bagai pertunjukan dari Batalion Pertama termasuk alat-alat perhubungan, barang-barang Jurutera Penggempur dan Pencegah Pemusnahan Bom (EDD)

dan lain-lain alat-alat kelengkapan yang digunakan oleh pasukan.

Markas Pasukan Askar Wanita juga sempat dilawati. Mereka telah dialu-alukan oleh Leftenan Artini dan 2nd Leftenan Khadijah yang juga memberi taklimat mengenai dengan tugas-tugas askar wanita.

Kemudiannya rombongan itu telah dibawa melawat ke Kompleks Pasukan Pancaragam Askar Melayu Diraja Brunei yang baru siap pembinaannya.

Di sebelah petangnya, rombongan telah dibawa melawat ke Pasukan Angkatan Laut di Muara dengan menaiki pesawat helikopter.



KETUA kumpulan 'PUTRA SENI', Awang Muslim Haji Mohd. Yusof ketika menerima hadiah kemenangan yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin.

PUTRA SENI juara Drama Kemerdekaan Brunei-Muara

Oleh: Abdul Karim HAB

wang tunai \$700.00

Tempat ketiga ialah Pusat Tingkatan Enam dengan drama 'Tuan-Tuan Dan Peon-Peon' karya Dy. Norsiah Hj. Gafar dan telah menerima hadiah wang tunai \$300.

'Pelakon Lelaki Terbaik' disandang oleh Awang Hj. Johari bin Pehin Penyurat Hj. Omar dari kumpulan 'SEDAR', manakala Dy. Maimun Abu Bakar juga dari kumpulan yang sama dipilih 'Pelakon Wanita Terbaik'.

Sementara itu, hadiah 'Pengaruh Terbaik' telah dimenangi oleh Awang Zaini bin Saman dari Perkhidmatan Muda-Mudi Perpustakaan Dewan

Bahasa dan Pustaka.

'Penulis Skrip Terbaik' dimenangi oleh A. Mahad Brunei melalui skrip dramanya 'Bisikan Purih Tuntutan Pancir' yang juga telah memenangi hadiah 'Skrip Persembahan Terbaik'.

Awang Johari bin Hj. Mahmud dari Pusat Tingkatan Enam yang memainkan peranan sebagai Ahmad dalam drama 'Tuan-Tuan Dan Peon-Peon' telah terpilih sebagai 'Pelakon Lelaki Berbakat'.

'Pelakon Wanita Berbakat' pula disandang oleh Dayang Normadiyah Haji Abas dari Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkih, Gadong yang memegang peranan sebagai Intan dalam drama 'Yang Pergi Datang Dan Hampa'.

Sebelum majlis penyerahan hadiah-hadiah, Pengerusi Jawatankuasa Drama Kemerdekaan Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Ramlee bin Haji Mohd Said telah menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Awang Haji Mohamad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara telah juga menyampaikan ucapan dan berkesempatan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan itu.

Pemilihan peraduan drama itu telah berlangsung dan 14 pasukan yang mengahyanya empat pasukan dipilih untuk ke peringkat negara akan diadakan dalam bulan Februari depan.

Ketetapan harga barang

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 9 November, 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. UBI KENTANG: \$1.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
 2. Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.
2. KACANG KUDA: \$1.10 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Syarikat Hj. Abd. Rahman, No. 94, Jalan Pemanha.
3. SAGU HALUS: \$0.60 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Hong Guan Koon Kee, No. 10, Jalan McArthur.

KUALA BELAIT

1. UBI KENTANG: \$1.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Chop How Min, No. B, Chinese Chamber of Commerce.
2. KACANG KUDA: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Syarikat M. Haji No. D2, Jalan Chinese Chamber of Commerce.
 2. Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
 3. Ng Ming Hong, No. 101 Jalan McKerron.
3. SAGU HALUS: \$0.90 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Chop Kim Ming, Bangunan Foo Chow, Jalan Bunga Rambai.
 2. Guan Heng, No. 30, Jalan Sungai.
 3. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.

SERIA

1. UBI KENTANG: \$1.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Chin Soong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
 2. Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACANG KUDA: \$1.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
3. SAGU HALUS: \$0.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut:—
 1. Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kumpulan 'PUTRA SENI' telah muncul sebagai juara dalam Peraduan Drama Kemerdekaan Peringkat Daerah Brunei dan Muara yang telah dilangsungkan di Pusat Belia di sini pada malam Ahad lepas.

Kumpulan itu yang mempersembahkan drama 'Bisikan Purih Tuntutan Pancir' karya A. Mahad Brunei telah menerima hadiah wang tunai \$1,000 dan sebuah oskar sumbangan peniaga tempatan, Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman.

Naib johan dimenangi oleh kumpulan 'SEDAR' yang mempersembahkan drama 'Yang Pergi Datang Dan Hampa' karya Hashim Hj. Suhaimi dengan menerima hadiah

Projek Komputer Di Sekolah-Sekolah

Salah satu sumbangan Syarikat Minyak Shell Brunei dalam sistem pendidikan di Brunei.

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

HUBUNGAN rapat antara Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dengan Jabatan Pelajaran Brunei telah lama terjalin khususnya di bidang dermasiswa dan perkembangan pelajaran teknikal.

Kerjasama itu masih berterusan hingga sekarang dan baru-baru ini kedua belah pihak telah mengunyahkan 'Projek Komputer Di Sekolah-Sekolah'.

Pemikiran ini lahir dari cadangan Awang Peter Everett, Pengarah Pengurusan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam bulan Julai tahun lalu agar syarikat itu bersempena kemerdekaan yang akan menjelang akan dapat memberikan suatu sumbangan dalam sistem pendidikan di Brunei.

Perkara itu kemudiannya dirundingkan dengan Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Paduka Awang Selamat bin Munap. Dalam perbincangan itu idea untuk memperkenalkan komputer di sekolah-sekolah telah disimpulkan dan menarik perhatian kedua belah pihak.

Seterusnya kajian dilakukan bagi menjadikan idea itu menjadi kenyataan. Projek-projek serupa yang terdapat di negara-negara lain dipelajari. Walau bagaimanapun akhirnya cara yang digunakan oleh pihak berkenaan di Singapura adalah dirasakan lebih sesuai berdasarkan persamaan sosio-budaya antara kedua buah negara.

Untuk itu, Dr. Tan Whee Keng seorang pegawai dari Institut Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Singapura telah diundang untuk meneliti kemungkinan serta membuat saranan bagi mengelakkan projek itu dan menyediakan alat kelengkapan yang diperlukan.

Sebuah Pusat Projek Komputer kemudian ditubuhkan di Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah; dan Awang Maawiah bin Haji Abdullah, pensyarah kanan maktab tersebut dilantik sebagai Ketua Projek.

Beliau ditempatkan selama tiga minggu di Ibu Pejabat Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad di Setia bagi mengikuti latihan asas penggunaan komputer.

Dalam bulan Mei yang lalu, beliau menjalani kursus selama 6 minggu di Institut

Teknologi Komputer (IACI) di Singapura diikuti dengan lawatan sambil belajar selama tiga minggu di United Kingdom.

Kesemua perbelanjaan kursus adalah dibiayai oleh Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Hasil dari tinjauan selama seminggu di 10 buah institusi yang terpilih di negara ini bersama dengan Awang Maawiah, Dr. Tan menyarankan agar pendidikan komputer di negara ini hendaklah diperkenalkan melalui 'Kelab Apresiasi Komputer' di sekolah-sekolah memandangkan ianya masih terlalu awal untuk dijadikan sebagai mata pelajaran di sekolah-sekolah.

Seterusnya satu Kursus Dalam Perkhidmatan Komputer Dalam Pendidikan diadakan selama lima minggu di Pusat Projek Komputer, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah.

Ianya dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran sementara Pusat Projek Komputer pula dirasmikan oleh Awang K. H. Prior, Pengurus Kakitangan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Kursus itu disertai oleh 24 orang guru yang dipilih dari sepuluh buah sekolah dan maktab-maktab di negara ini.

Mereka diajarkan semua aspek berhubung dengan komputer pendidikan oleh beberapa tenaga pengajar dari Microelectronic Education Programme, (MEP) United Kingdom yang diketuai oleh

(Lihat muka 9)



SEORANG pensyarah wanita sedang menunjukkan bagaimana sesuatu maklumat disimpan ke dalam komputer.



SEORANG pegawai dari Pejabat Perdana Menteri Jepun, Awang Tadamas Fukiura telah mengadakan lawatan muhibah ke negara ini pada minggu lalu.

Lawatan Awang Fukiura selama lima hari itu adalah bertujuan untuk membincangkan kemungkinan mengadakan rancangan pertukaran beliau antara kedua negara.

Selama berada di sini Awang Fukiura telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan ahli-ahli persatuan beliau dan kebajikan. Di samping itu beliau juga dibawa melawat ke

Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan Rumah Kebajikan.

Lawatan Awang Fukiura ke sini adalah atas undangan Majlis Belia-Belia Negara Brunei dan beliau telah berlepas pulang pada hari Isnin lalu.

Gambar atas kelihatan Awang Tadamas Fukiura ketika mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Pengarah Kebajikan, Beliau dan Sukan, Awang Haji Abdul Mokti di Pejabat Kebajikan Belia dan Sukan.

Pemeriksaan alat-alat Sukatan

BANGAR, TEMBURONG. — Pemeriksaan bulanan ke atas alat-alat sukan dan timbangan yang belum berdaftar di Daerah Temburong akan dijalankan selama dua hari iaitu pada 22 dan 23 November ini.

Orang ramai yang mempunyai alat-alat sukan dan timbangan adalah dinasihatkan supaya membawa alat-alat mereka untuk diperiksa dan dicap.



KETUA Projek Komputer, Awang Maawiah Hj. Abdullah menjelaskan bagaimana pelajaran dapat disampaikan secara berkesan melalui komputer.

Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri ke-5

Disusun oleh:
Karnisah Haji Rahmat, Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Soalan 5 : Kenapa
(i) ch menjadi c
(ii) sh menjadi sy
(iii) dh menjadi d
(iv) dz menjadi z
(v) th menjadi s

Jawapan : (i) ch menjadi c
Huruf konsonan c bukan saja dikenali sebagai huruf dalam abjad tetapi juga dikenali bagi melambangkan bunyi ts dalam ilmu linguistik antarabangsa. Oleh itu, sistem ejaan baru bahasa Melayu telah menetapkan huruf konsonan c (tanpa h) sudah cukup dapat berdiri sendiri bagi membunyikan ts seperti dalam perkataan cari, cacat dan Mac.
(ii) sh menjadi sy
Sebutan h dilahirkan oleh mekanisme bunyi pada lubang antara pita suara (glottis). S pula dihasilkan oleh

mekanisme bunyi pada gusi (alveolar) dan y dihasilkan oleh sentuhan/letusan gusi gelanggi keras (palato-alveolar). Kedudukan mekanisme bunyi s berdekatan dengan y. Maka, perubahan ejaan sh kepada sy bagi melambangkan bunyi ts seperti dalam perkataan mesyuarat dan syarat adalah semata-mata kerana sy mudah dibunyikan (kedudukan mekanisme bunyi bagi s dan y berdekatan) jika dibandingkan dengan sh.
(iii) dh menjadi d
(iv) dz menjadi z
(v) th menjadi s

Perubahan konsonan-konsonan ini dibuat berdasarkan pada proses pemakaian (sebutan) perkataan dalam bahasa Melayu. Perkataan-perkataan yang mempunyai penggunaan dh seperti hadir, dz seperti dzat, dan th seperti mithal telah disebut mengikut kesesuaian pengucapan (lidah) dalam bahasa Melayu. Malahan, ada di antara kita mengakui bahawa perkataan-perkataan seumpama ini adalah kepunyaan kita bersama dan tidaklah menjadi kesalahan bagi kita menyebut perkataan-perkataan ini mengikut keselarasan bunyi bahasa Melayu seperti hadir, zat dan misal.

Latihan 2

Cuba tukarkan potongan karangan ini kepada ejaan baru.

Dari segi lain, kepada peminat yang bertujuan mendalami penyelidikan di-bidang kegiatan bahasa dan sastera, buku ini memungkinkan suatu 'approachment' baru ke arah pengetahuan lanjut tentang tingkat sejarah dan perkembangan kesusasteraan kita seluruh-nya. Agak menarik kerana buku ini di-hasilkan kira-kira dalam jangka masa permulaan kegiatan sastera Melayu moden yang di-katakan dipelopori oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi (1797-1854) di-Tanah Melayu. Dan kalau dalam pengetahuan sejarah sastera sa-lama ini kita hanya di-sogokkan dengan nama2 lain di-samping Abdullah seperti Raja Ali (1809-1870), Munshi Sulaiman bin Mohd. Nor (meninggal 1828), dan Syed Sheikh Al-Hadi (1867-1934), maka suatu kemungkinan lain pula ialah pelajar2 sastera akan mengetahui dan mengkaji pula tentang pengarang Pengiran Shah-bandar Mohd. Salleh dengan karya sha'er Rakis-nya. Sebab, dari segi masa, beliau tergolong dalam masa permulaan kegiatan modenisasi dalam bidang sastera itu. Dari segi karya-nya pula, sa-kurang-kurangnya apa yang di-namakan 'hikmat' dalam Rakis-nya memungkinkan ia di-golongkan kepada pengarang Melayu yang keritis terhadap zaman-nya.

(Jawapan akan disiarkan pada keluaran minggu depan).

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

PENUBUHAN BANK PERNIAGAAN BAGI ORANG ISLAM (Siri ke-200)

HUKUM FAEDAH DARI BANK PERNIAGAAN

RIBA dan bunga atau faedah itu telah diharamkan oleh agama Islam dan telah diharamkan dalam agama Yahudi dan Nasrani sebagaimana yang tersebut dalam Quran dan telah ditolak oleh banyak ahli-ahli ekonomi seperti Stewart Mill, Lord Kenz, Adam Smith dan Doktor Sachit bangsa Jerman dan lain-lain serta telah ditegah oleh negeri Komunis dan Hitler bapa Nazi di mana ia menjadikan bank-bank itu syarikat perniagaan dalam negeri Jerman dan telah ditegah oleh Undang-Undang Francis pada masa dahulu.

Jawatankuasa Fatwa Universiti Al-Azhar di Kaherah Negeri Arab Bersatu yang diiktibarkan setinggi-tinggi lembaga agama di sana berkata:

"Bahawa mengambil sesuatu faedah dari modal disimpan dalam Saving Bank atau dalam sesuatu Bank adalah haram, kerana iaitu dari jenis riba yang diharamkan oleh Quran, Hadis dan Ijmak."

Suatu Fatwa Kerajaan Mesir yang dikeluarkan

pada 16 Oktober, 1916 bilangan 650 dan telah disiarkan dalam Al-Jadwalul Asyriyul Awal bilangan 1172 berbunyi:

"Faedah-faedah yang dibayar oleh Mahkamah-Mahkamah Mukhtatilah (Mahkamah Campuran, Mahkamah Antarabangsa di Mesir) kepada tuan-tuan punya simpanan adalah riba, dan haram di atas tuan punya wang simpanan itu mengambilnya, jika ia telah mengambilnya, wajiblah ia bersedekah dengan faedah-faedah yang telah diambilnya itu."

Al-Allamat As-Sayed Alwi Tahir Al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor dalam fatwa-fatwanya pada menjawab soalan-soalan sebagaimana yang telah disiarkan oleh Majalah Warta Jabatan Agama Johor menghamkan bunga yang diterima dari Bank dan Saving Bank kerana itu adalah riba. (Sila baca kumpulan Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor penggal 1 dan 2).

Ahli-ahli fikir umat Islam sekarang telah menulis kitab-kitab dan rencana-rencana serta syor-syor bagaimana hendak menjadikan bank itu

tiada memakan riba, malah boleh berjalan menurut aturan agama Islam dalam perniagaan itu, moga-moga pada suatu masa akan datang didapati dalam umat Islam suatu masyarakat dan pergaulan yang tiada makan riba atau mengambil faedah dari muamalat dan perniagaan mereka itu. Pada masa ini ramai ahli-ahli perniagaan daripada umat Islam yang tiada mengambil faedah atau interest atau riba dan mereka itu maju dalam perniagaan dan perusahaannya.

Riba telah diharamkan dalam Mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali sebagaimana yang tersebut dalam kitab-kitab Fiqh mazhab-mazhab tersebut.

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam At-Tuhfah di mana kitab At-Tuhfah itu merupakan suatu kitab yang diiktimadkan dalam mazhab Syafie dan oleh Syekh Ibnu Hajar seorang yang pakar dan diakui mempunyai pengetahuan mendalam dalam masalah-masalah Fiqh.

Riba ertinya dalam bahasa Arab lebih dan ertinya dalam syarak sebagaimana kata Al-Imam Ar-Ruyari: Suatu akad di atas suatu iwad (benda yang jadi tukar

ganti) yang tertentu yang tiada diketahui persamaannya dalam kaedah syarak ketika berlaku akad itu, atau bertangguh pada kedua-duanya iwad itu atau salah satunya.

Dan dalil menunjukkan haramnya dan sebesar-besar dosa ialah Quran, Hadis (Sunnah) dan Ijmak umat Islam, kata qil (pendapat): "Tiada dihalalkan sekali-kali dalam sesuatu syariat Allah yang dahulu, dan Allah s.w.t. tiada memasyorkan (membolehkan) peperangan dalam kitab-Nya Quran ke atas seseorang yang berbuat maksiat melainkan ke atas orang yang memakan riba dan dari sebab itu kata qil yang lain: "Iaitu suatu alamat (tanda) tentang mati dalam Suul-Khatimah sama seperti seseorang yang menyakiti wali-wali Allah, kerana telah sah dalam suatu Hadis yang menyatakan bahawa Allah akan memerangi orang yang menyakiti wali-wali Allah, dan haramnya ialah haram Taabbudi yang tiada dapat diketahui akan illatnya (alasannya) walaupun telah dicari akan illatnya itu dan telah didapati tetapi itu hanya boleh dikatakan sebagai rahsia atau hikmatnya bukan illatnya.

Riba itu terbahagi kepada: Riba Fadhl iaitu lebih salah satu iwadnya (barang yang ditukar gantikan), Riba Qirat (Riba hutang) iaitu yang dipersyaratkan di dalamnya sesuatu manfaat atau sesuatu faedah kepada orang yang memberi hutang itu dikesualikan syarat-syarat seumpama cagaran (atau saksi atau tanggungan) atau seumpamanya. Riba Yad iaitu salah seorang daripada dua orang yang berakad itu meninggalkan majlis akad sebelum berlaku serah-serah akan iwadnya itu dan Riba Nasaie iaitu disyaratkan sesuatu tangguh (penangguhan) pada salah satu daripada dua iwad itu. Semua jenis riba itu adalah telah Ijmak (disepakati) oleh umat Islam tentang batal dan salahnya.

Berkata Al-Imam Al-Allamat Syekh Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir: Makan riba dan memberi makan riba, dan menulis riba, dan saksi di atas makan riba, dan berusaha kerana makan riba dan menolong menjalankan riba, semuanya itu adalah dosa besar.

Sebagaimana Firman Allah, dalam Surah Al-Baqarah ayat 275 yang tafsirannya kira-kira: "Mereka yang mengam-

bil riba tiada bangun mereka itu dari kubur melainkan mereka bangun seperti orang yang disampuk (tangkup) oleh syaitan dengan penyakit gila ertinya orang-orang yang makan riba itu pada hari Kiamat bangun jatuh seperti orang gila sebagai alamat (cogan) kepada mereka itu supaya mereka diketahui oleh orang-orang pada hari Kiamat yang demikian itu kerana mereka itu berakad Sesungguhnya jual beli itu seperti riba, bila dibantah Allah dengan firman-Nya dan Allah s.w.t. menghalalkan jual beli dan telah mengharamkan riba, maka barangsiapa telah mendengar ajaran dan nasihat daripada Tuhan-Nya dan ia berhenti dari makan riba, maka baginya apa yang telah lalu dan perkaranya terserah kepada Allah dan barangsiapa kemudiannya semula makan riba, maka mereka itulah penduduk neraka, hal itu daan mereka itu kekal di dalam neraka."

Ayat tersebut adalah satu dari banyak ayat yang menyatakan amaran Allah kepada orang yang makan riba.

WALLAHU A'ALAM (Bersambung)



Latihan mencegah kebakaran

JERUDONG. — Skim Latihan Mencegah Kebakaran peringkat pertama bagi seramai 47 orang pegawai dan kakitangan Jerudong Park telah diadakan di sini selama tiga hari mulai hari Isnin lepas.

Mereka telah diberikan tunjuk ajar secara teori dan praktikal berhubung dengan cara-cara mencegah kebakaran oleh pegawai-pegawai bomba dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan.

Peringkat kedua pula bagi lebih 50 orang lagi akan diadakan pada 21 November hingga 23 November depan. Sementara penyampaian sijil-sijil akan dilangsungkan pada 26 November akan datang.



Rafezah ketika melafazkan ikrar Islamnya di majlis tersebut.

Seorang lagi memeluk Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seorang lagi gadis berbangsa Iban memeluk agama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Awang Taha bin Md Salleh No. 45, Kampung Lorong Sekuna.

Argnik anak Subak tahun melafazkan ikrar Islamnya di hadapan am Awang Haji Juman dan Nayan dan kini dikenali sebagai Davang Rafezah bte Abdullah. Majlis juga disertai dengan marhaban.

Benarkah bulan Safar bulan nahas?

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah, marilah kita tingkatkan iman kepada-Nya, kita ikut ajaran-ajaran-Nya yang hak dan kita jauhi bid'ah yang sesat yang tidak ada dalam agama-Nya.

Sekarang kita berada dalam bulan Safar yang mulia. Firman Allah Taala dalam Suratul Barazah ayat 36 yang tafsir-nya lebih kurang : "Sesungguhnya jumlah bulan pada sisi Allah ialah dua belas bulan, yang ada dalam ketetapan-Nya semenjak diciptakan-Nya langit dan bumi ini. Di antara bulan-bulan itu, terdapat empat bulan suci (dinamakan bulan suci kerana biasanya dalam bulan-bulan ini peperangan dihentikan). Bulan-bulan itu ialah Muharram, Rajab, Zulkaedah, dan Zulhijjah....."

BULAN BAIK DAN TIDAK BAIK

Dari makna ayat Quran di atas nyatalah bulan-bulan di sisi Allah adalah sama sahaja sebagai bulan-bulan yang dijadikan-Nya berjumlah dua belas bulan semuanya. Allah tidak menyebut ini bulan baik, ini bulan tidak baik, ini bulan beruntung dan ini bulan nahas, tidak! Cuma yang disebut, ada di antara bulan-bulan itu dinamakan bulan haram yakni bulan suci kerana di dalam bulan-bulan itu biasanya peperangan berhenti. Orang-orang Arab memuliakan bulan-bulan tersebut dengan menghentikan peperangan supaya dapat mereka menjalankan perniagaan dengan aman dan juga mengunjungi Tanah Suci Mekah dengan tiada sebarang gangguan. Dan apabila datang Islam, Allah benarkan tradisi ini sebagai tradisi yang baik. Tetapi tidak bermakna di dalam bulan-bulan tersebut orang-orang Islam disuruh tinggal diam sahaja walaupun mereka diserang oleh musuh, tidak! Tetapi mereka boleh melawan jika diserang, walaupun di dalam bulan suci dan di Tanah Suci.

Tetapi bagaimanapun terdapat keterangan-keterangan tentang bulan-bulan tertentu yang mempunyai kelebihan-kelebihannya yang tersendiri seperti bulan Ramadan umpamanya dan lain-lain lagi. Dan ada pula hari-hari dalam bulan tertentu itu yang disunatkan berpuasa atau ada juga hari di dalam mana-mana juga bulan, sunat kita melakukan pekerjaan seperti belayar umpamanya. Tetapi apa yang disebut bulan nahas, hari nahas dan saat nahas, ini yang tidak ada dalam agama, tidak disebut oleh Quran dan hadis Nabi s.a.w.

BULAN NAHAS

Ramai orang Islam pada suatu masa dahulu ataupun masih ada sedikit-sedikit lagi yang takut pada bulan atau hari-hari tertentu. Kerana menganggap bulan atau hari-hari itu sebagai bulan dan hari-hari nahas. Sebagai misal, kita biasa mendengar orang menganggap bulan Safar sebagai bulan nahas, sebagai bulan malapetaka. Orang takut padanya. Perkara ini sebenarnya adalah ditolak oleh Islam sebagai karut dan tidak berasaskan ajaran Islam.

Allah tidak menyebut ini bulan baik ini bulan tidak baik, ini bulan beruntung dan ini bulan nahas, tidak! Cuma yang disebut, ada di antara bulan-bulan itu dinamakan bulan haram yakni bulan suci kerana di dalam bulan-bulan itu biasanya peperangan berhenti.

Ianya bukan ajaran Islam tetapi memang ada berlaku sebagai kepercayaan orang-orang Arab sebelum Islam. Dan kepercayaan ini sepatutnya sudah tidak berbangkit lagi pada zaman sekarang kerana ia telah sekian lama dibenteras oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana hadis Baginda riwayat Al-Bukhari daripada sahabat Abu Hurairah yang bererti : "Tiada jangkitan, tiada sempena baik dengan burung, tiada sempena buruk dengan burung hantu, dan tiada sempena jahat dengan Safar dan larilah daripada orang sakit kusta sebagaimana engkau lari dari singa."

Di antara tafsiran ulama mengenai dengan Safar di sini ialah bulan Safar. Berkata Al-Baidhawi : "Bahawa orang Arab jahiliyah percaya bahawa dalam bulan Safar itu banyak berlaku nahas dan fitnah." Dan inilah dia punca orang-orang menganggap bulan Safar itu sebagai bulan nahas dan malapetaka, iaitu terang sebagai sambungan dan ikut-ikutan dari kepercayaan orang-orang Arab jahiliyah. Orang-orang Islam hendaklah sedar dan mengambil ingatan akan hal ini.

Kemudian ada satu lagi jenis khurafat menyuruh mandi Safar di dalam bulan Safar itu. Hal ini dahulu-dahulu banyak kita dengar, sebenarnya perkara ini banyak juga

tidak ada dalil atau keterangan dalam agama Islam. Ia tidak ada dalam kategori mandi-mandi sunat, apatah lagi wajib pada syarak. Mandi-mandi sunat pada syarak diterangkan dengan jelasnya di dalam kitab-kitab fiqh dan kitab hadis seperti mandi hari Jumaat, mandi dua hari raya, dan lain-lain lagi, tetapi tidak satu pun kedapatan menyebut tentang mandi Safar itu. Tegasnya mandi Safar itu bid'ah dan khurafat besar yang merosakkan asas-asas kepercayaan yang betul.

Oleh itu sayugialah umat Islam memahami hal ini dan mengambil peringatan yang sungguh-sungguh supaya kita terus terpelihara dari kesesatan dan kepercayaan-kepercayaan karut yang boleh merosakkan amal ibadat kita kepada Allah. Ingatlah, percaya pada hari nahas bulan nahas dan percaya mandi Safar itu menolak bala, adalah suatu daripada jenis 'thirah' (percaya sesuatu itu menjadi alamat atau sebab yang membawa beruntung atau celaka). 'Thirah' itu ada disebut oleh hadis riwayat Ibnu Mas'ud, Rasulullah s.a.w bersabda : "Percayakan benda-benda seperti percaya burung membawa untung atau celaka itu adalah syirik."

Marilah sekali lagi kita umat Islam mengambil ingatan dan perhatian terhadap hal ini.

KHUTBAH JUMAAT



TABAH DAN SABAR

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid

TELAH tersebut dalam sejarah kisah kesabaran, ketakwaan dan ketabahan keluarga Yasir dalam menegakkan kesucian agama Islam. Kisah ini berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. di mana pada waktu itu penyebaran agama Islam amat ditentang keras oleh orang-orang Quraisy yang diketuai oleh Abu Jahal.

Keluarga Yasir yang terdiri daripada anaknya Amar dan isterinya Sumaiyah telah disiksa di bawah pancaran matahari yang sangat terik di padang pasir yang membakar seluruh badan dibiarkan berhari-hari tanpa diberi walau seteguk air atau sesuap makanan.

Penderitaan dan kekejaman tanpa sedikit pun belas kasihan menyebabkan keluarga Yasir terlalu lemah hingga tidak dapat duduk lagi, namun begitu mereka tetap berzikir mengingat Allah. Dalam keadaan yang terlalu siksa dan menderita itu pemuda Quraisy terus memujuk mereka supaya mahu mengakui akan kebesaran berhala yang mereka sembah iaitu Lata dan 'Uzza. Demi keselamatan semuanya dan demi untuk menghindarkan diri dari terus menerima berbagai-bagai lagi siksaan yang mengerikan maka dengan hati yang berat dan terpaksa lantas Yasir mengatakan 'Ya'.

Pada suatu hari Baginda Rasulullah s.a.w. melintas di tempat tersebut. Maka anaknya Amar dengan air mata yang berlinang lalu bertanya kepada Baginda, Katanya apakah menjadi suatu kesalahan dan berdosa kiranya ia membenarkan bahawa Lata dan 'Uzza itu adalah tuhan sedangkan dalam hati dan sanubarinya mengatakan tidak? Lantas Baginda menjawab bahawa mereka masih dalam golongan orang-orang yang beriman dan Nabi menasihatkan mereka apabila orang-orang Quraisy datang lagi kepada mereka hendaklah

Bingkisan minggu ini

mereka memberikan jawapan yang sama, demi keselamatan mereka jua.

Yasir dan isterinya akhirnya mati lantaran engkarnya mereka dari kembali kepada kekafiran dan setelah banyak merasai kesakitan, kepahitan dan kekejaman siksa dari orang-orang kafir Quraisy. Yasir meninggal dunia sebagai syahid dan isterinya Sumaiyah sebagai syahidah. Dari sebuah hadis Nabi Muhammad s.a.w. bahawa telah menjanjikan Allah kepada keluarga Yasir syurga kerana penderitaan yang mereka terima dilalui dengan penuh kesabaran.

Begitulah, betapa kesabaran dan ketakwaan mereka dalam menghadapi kekejaman penentang-penentang Islam dan bersedia disiksa dan akhirnya dibunuh daripada kembali kafir dan demi menegakkan agama Islam. Di samping itu juga dari kisah tadi kita dapat tahu bahawa jika kiranya kita dipaksa untuk mengakui atau meyakini sesuatu yang bertentangan dengan agama Islam maka kita adalah diharuskan untuk berpura-pura mengaku. Firman Allah dalam An-Nahl, potongan ayat 106 yang bermaksud kira-kira :

"Barangsiapa yang berlaku kafir sesudah ia beriman mereka itu akan mendapat murka Allah, kecuali bagi orang yang terpaksa, asalkan hati mereka tetap teguh dalam kepercayaan mereka. Tetapi barangsiapa yang berlaku kafir kerana kehendak hatinya sendiri maka mereka mendapat murka Allah dan mereka akan mendapat azab yang berat."

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16 November, 1983 hingga ke hari Selasa 22 November, 1983 adalah seperti di bawah ini :—

Hari	Zuhur	Asar	Maghrib	Iyyak	Imsak	Subuh	Matahari Terbit
16 Nov	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
17 Nov	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
18 Nov	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
19 Nov	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
20 Nov	12.12	3.30	6.08	7.23	4.37	4.52	6.08
